## *SINAR HARIAN – SABTU 20 MEI 2017*

# Lebih 5,000 pakaian dikumpul untuk 'Top Pass It On'

Foto: AFIQ RAZALI




**Rohani memegang plakad sebagai simbolik penyerahan 5,046 helai pakaian terpakai berkualiti dari Top untuk diagihkan kepada 30 buah persatuan komuniti di seluruh negara.**

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 5,046 helai pakaian terpakai berkualiti berjaya dikumpulkan sempena Kempen Komuniti Top Pass It On.

Pengurus Pemasaran Kanan Southern Lion Sdn Bhd, Cermen Foo berkata, kutipan tersebut adalah melebihi sasaran.

"Kutipan melalui kempen ini melangkaui jangkaan kerana jumlah pakaian yang dikumpulkan dua kali ganda lebih banyak.

"Ia menunjukkan kepercayaan dan sokongan masyarakat terhadap jenama ini dengan teknologi pencuci berinovasi," katanya ketika ditemui Sinar Harian,

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan kepada empat persatuan komuniti yang dirasmikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, di sini, semalam.

Menurutnya, disasarkan 30 persatuan komuniti di sekitar Lembah Klang, Kuala Terengganu, Pulau Pinang dan beberapa negeri lagi akan menerima pakaian yang dimikro bersih.

"Melalui kempen ini, Top mengumpul dan mengasingkan pakaian terpakai sumbangan orang ramai kemudian dibersihkan menggunakan Top 'Micro-Clean Tech'.

"Ia akan diserahkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk diagihkan kepada 30 buah persatuan komuniti," katanya.



**Rohani (tengah) beramah mesra dengan sebahagian wakil kanak-kanak Persatuan Kebajikan Sweet Care Selangor dan Kuala Lumpur.**